

# KHUTBAH AIDILADHA 1443H

## KHUTBAH PERTAMA

الله أكبر، الله أكبر، الله أكبر، الله أكبر، الله أكبر، الله أكبر، الله أكبر، الله أكبر، الله أكبر، والله الحمد، حمد الحامدين وحمد الشاكرين وحمدا يوافي نعمه، ويكافئ مزيده. يا ربنا لك الحمد كما ينبغي لجلال وجهك وعظيم سلطانك.

أشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له، له الملك وله الحمد وهو على كل شيء قدير. وأشهد أن محمدا عبده ورسوله، البدر الدجى والسراج المنير.

اللهم صل وسلم وبارك على محمد نبي الرحمة وشفيع الأمة، وعلى آله وصحبه ومن تبعه ونصره ووالاه. أما بعد:

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى.

“Wahai, hamba-hamba Allah! Bertaqwalah kalian kepada Allah, sebaik-baik bekalan ialah bertaqwa. Maka sesungguhnya, telah berjaya mereka yang bertaqwa.”

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم،

﴿وَمَنْ يَرْغَبُ عَنِ مِلَّةِ إِبْرَاهِيمَ إِلَّا مَنْ سَفِهَ نَفْسَهُ وَلَقَدْ اصْطَفَيْنَاهُ فِي الدُّنْيَا وَإِنَّهُ فِي الْآخِرَةِ لَمِنَ الصَّالِحِينَ﴾ إِذْ قَالَ لَهُ رَبُّهُ وَأَسْلِمْتُ قَالَ أَسْلَمْتُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٣١﴾

“Dan sesiapa yang tidak suka kepada ajaran agama yang diikuti oleh Ibrahim, nescaya dia membodohkan dirinya sendiri. Sesungguhnya, kami memilihnya di dunia ini (menjadi Rasul), dan sesungguhnya, di akhirat nanti dia termasuk (terpilih) dalam kalangan orang-orang yang soleh. (130); Ingatlah apabila Tuhan berkata kepadanya: ‘Serahkanlah dirimu (masuk Islam).’ Ibrahim berkata: ‘Saya menyerahkan diri (Islam) kerana Tuhan semesta alam. (131)” **(Surah al-Baqarah: 130-131)**

Hari ini, kita menyambut hari raya bersempena dengan ibadat yang dimulakan oleh Nabi Ibrahim AS, Rasul kekasih Allah kerana melakukan pengorbanan dan mendirikan Kaabah serta menyeru manusia supaya menunaikan ibadat haji.

Pengorbanan menandakan perhambaan diri kepada Allah, sehingga Ibrahim AS bersedia mengorbankan anak yang dikasihi, Isma'il yang dilahirkan ketika Ibrahim AS sudah terlalu tua. Sebelum itu, Ibrahim AS diperintahkan supaya meletakkan Isma'il AS di bumi Makkah yang jauh serta tiada air dan makanan, kemudian Baginda diperintahkan pula supaya menyembelih puteranya untuk menjadi korban.

Tiba-tiba, perintah itu dibatalkan kerana semata-mata untuk menguji keimanan Baginda, lalu ditukar kepada menyembelih binatang yang dipelihara. Firman Allah SWT:

﴿فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنَؤُا إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَانظُرْ مَاذَا تَرَى قَالَ يَا بَتِ افْعَلْ مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ﴾ فَلَمَّا أَسْلَمَا وَتَلَّهُ لِلْجَبِينِ ﴿١٣٢﴾ وَنَدَيْنَاهُ أَن يَا إِبْرَاهِيمُ ﴿١٣٣﴾ قَدْ صَدَّقْتَ الرُّءْيَا إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿١٣٤﴾ إِنَّ هَذَا لَهُوَ الْبَلَاءُ الْمُبِينُ ﴿١٣٥﴾ وَفَدَيْنَاهُ بِذَبْحٍ عَظِيمٍ ﴿١٣٦﴾ وَتَرَكْنَا عَلَيْهِ فِي الْآخِرِينَ ﴿١٣٧﴾ سَلَامٌ عَلَى إِبْرَاهِيمَ ﴿١٣٨﴾ كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿١٣٩﴾ إِنَّهُ مِنْ عِبَادِنَا الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٤٠﴾

“Maka, apabila anaknya (Isma'il AS) sampai pada peringkat berjalan-jalan bersamanya, tiba-tiba (Ibrahim AS) memberitahu perintah Allah (melalui mimpi yang benar oleh seorang Rasul): ‘Bahawa aku menyembelihmu. Apa pendapatmu?’ Isma'il menjawab: ‘Wahai ayah kesayanganku! Buatlah apa yang diperintahkan kepadamu. Insyaa-Allah, ayah akan dapati aku termasuk

dalam kalangan yang sabar (menghadapi ujian).’ (102); Maka, tatkala kedua-dua beranak itu menyerah diri (kepada perintah Allah) dan Isma’il direbahkan mengiring di atas lambungnya (untuk disembelih). (103); Kami menyeru: ‘Wahai, Ibrahim! (104); Engkau telah percaya kepada wahyu mimpi itu, (maka perintah itu kami batalkan).’ Beginilah kami memberikan ganjaran kepada orang-orang yang baik (mentaati perintah Tuhannya). (105); Sesungguhnya, perintah ini ialah satu ujian yang nyata, (106); dan kami gantikan dengan binatang sembelihan (kibasy) yang besar. (107); Kami jadikan contoh teladan kepada orang-orang yang lain. (108); Selamat sejahtera kepada Ibrahim. (109); Begitulah kami memberikan balasan kepada orang-orang yang baik, (110); Sesungguhnya, (Ibrahim) dalam kalangan hamba-hamba kami yang benar-benar beriman. (111)” **(Surah al-Saffat: 102-111)**

Maka, mereka yang berkemampuan hendaklah melakukan ibadat korban, sama ada korban wajib kerana bernazar atau mewajibkan dirinya, mahupun korban sunat dengan berniat kerana Allah, bukan kerana memuja yang lain daripada Allah yang diharamkan seperti memuja syaitan atau memuja kubur seseorang, walaupun kubur para anbiya’, ulama’ atau auliya’.

Maka, daging korban dibahagikan mengikut hukumnya yang ditetapkan, tidak boleh dijual dan dijadikan upah.

Ibrahim AS diperintahkan untuk mendirikan Kaabah yang dinamakan Baitullah (rumah Allah), menjadi kiblat ibadat kepada umat Islam bagi menyatukan arah ibadatnya, bukan menyembah batunya. Kalau batu-batunya dipindahkan ke mana-mana sahaja, haram, kufur, dan syirik jika kita menyembah batu-batu itu.

Ibrahim AS diperintahkan untuk menyeru manusia supaya menunaikan haji ke Makkah. Firman Allah SWT:

﴿وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ ﴿٢٧﴾﴾

“Dan berserulah (wahai Ibrahim) kepada manusia supaya mengerjakan haji, nescaya mereka akan datang kepadamu dengan berjalan kaki dan menunggang unta sehingga kurus datang dari segenap penjuru dunia.” **(Surah al-Hajj: 27)**

﴿... وَإِلَى اللَّهِ عَلَى النَّاسِ حُجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ﴾

"...Dan Allah mewajibkan kepada manusia untuk menunaikan Haji bagi sesiapa yang mampu menjalankannya, dan sesiapa yang mengingkarinya, ketahuilah bahawa Allah itu Maha Kaya (tidak berhajat) kepada seluruh alam." **(Surah Ali 'Imran: 97)**

Haji itu ibadat jasad, roh dan harta bagi mereka yang berkemampuan. Maka, Hari Raya Aidiladha kepada seluruh umat Islam ialah bersempena dengan ibadat yang besar ini, seperti Hari Raya Aidilfitri yang bersempena dengan ibadat puasa dan hari Jumaat yang bersempena dengan sembahyang lima waktu setiap minggu.

Ibadat haji ialah himpunan umat Islam yang datang dari seluruh penjuru dunia. Haji melambangkan ibadat serta persaudaraan umat Islam dan perpaduannya. Mereka dinamakan umat satu kiblat walau berbeza-bagai bangsa, mazhab, dan negeri yang berbeza. Firman Allah SWT:

﴿الْحُجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَةٌ فَمَنْ فَرَضَ فِيهِنَّ الْحُجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِي الْحُجِّ وَمَا تَفَعَّلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ وَاتَّقُونِ يَا أُولِيَ الْأَلْبَابِ﴾<sup>(١٧٧)</sup>  
﴿الْحُجُّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِي الْحُجِّ وَمَا تَفَعَّلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ وَاتَّقُونِ يَا أُولِيَ الْأَلْبَابِ﴾<sup>(١٧٧)</sup>

"Ibadat haji itu dilakukan dalam beberapa bulan yang ditetapkan. Maka, sesiapa yang menunaikannya pada masa-masa haji itu, maka janganlah melakukan perkara nafsu antara lelaki dengan perempuan, perkara-perkara jahat, dan berkelahi ketika mengerjakan haji. Dan apa-apa yang kalian buat daripada kebajikan diketahui Allah. Dan carilah bekalan, maka sebaik-baik bekalan itu bertaqwa kepada Allah. Dan bertaqwalah kepadaku (Allah) wahai mereka yang berakal fikiran." **(Surah al-Baqarah: 197)**

Maka, dalam percampuran yang ramai itu, Allah mendidik agar menahan nafsu diri terhadap saudara sesama Islam dengan penuh keimanan dan kasih sayang supaya menjadi umat yang bersatu padu.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah!

Kita sedang menghadapi zaman umat Islam berpecah dan ada yang berperang sesama sendiri. Padahal, Allah mewajibkan kita untuk memimpin perpaduan seluruh manusia. Maka, satu muhasabah diri wajib dilakukan. Di manakah punca dan sebabnya?

Sedarlah bahawa Islam mengajar kita petunjuk satu kiblat beribadat kepada Allah, dengan maksud Islam yang sempurna dalam semua urusan kehidupan kita daripada dunia sehingga akhirat yang tidak boleh dipisahkan. Hal ini demikian kerana, semua perkara dunia akan dihisab juga pada Hari Akhirat. Kita membuat pengakuan di hadapan Allah:

﴿قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ﴾

“Sesungguhnya, sembahyangku, ibadat (korban)ku, hidupku, dan matiku semata-mata kerana Allah Tuhan semesta alam (yang Mencipta dan Mentadbirnya).” **(Surah al-An'am: 162)**

Sedarlah bahawa kita telah memisahkan urusan dunia daripada akhirat.

Urusan ibadat kita menghadap Allah ke arah Kaabah hanyalah dalam perkara sembahyang, puasa, haji, umrah, doa, zikir, tasbih, dan lain-lain sahaja. Namun, urusan politik, ekonomi, dan lain-lain berhadap ke arah petunjuk Rumah Putih dan Bank Dunia di Washington dan New York yang tidak ada perkiraan pahala dan dosa, serta tiada balasan syurga atau neraka. Firman Allah SWT:

﴿وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِ ذَٰلِكُمْ وَصَّيْتُ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ﴾

“Dan sesungguhnya, inilah jalanku (Islam) yang satu-satunya betul, maka hendaklah kalian menurutinya. Dan janganlah kalian ikuti jalan-jalan yang lain, nescaya kalian berpecah belah dan bercerai-berai (lari) dari jalan Allah. Begitulah Allah memberikan pesanan kepada kalian supaya kalian sentiasa bertaqwa kepada-Nya.” **(Surah al-An'am: 153)**

بارك الله لي ولكم في الكتاب والسنة، ونفعني وإياكم بالآيات والحكمة. أقول قولي هذا  
وأستغفر الله لي ولكم، ولجميع المسلمين والمسلمات، إنه هو الغفور الرحيم.



Pada hari ini juga hendaklah kita ingat betapa besarnya ni'mat persaudaraan Islam yang dianjurkan di dalam Islam. Tanda iman seseorang ialah kasih kepada saudara seagama dengannya sebagaimana mengasihi dirinya sendiri. Sabda Rasulullah SAW:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ، حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ.

“Tidak beriman seseorang dalam kalangan kalian, sehingga dia kasih kepada saudaranya sebagaimana kasihnya kepada dirinya sendiri.”

**(Riwayat al-Bukhari 13)**

Sehubungan itu, hendaklah lahir dalam hati setiap orang Islam perasaan sedih terhadap bala bencana dan kesusahan yang menimpa umat Islam di serata dunia, sama ada mereka yang ditimpa gempa bumi, dilanda peperangan, kemiskinan, kebuluran, juga wabak penyakit. Juga terhadap umat Islam yang sedang dijajah, dizalimi dan dibunuh serta ditindas sepertimana yang berlaku di Palestin, Iraq, Syria, Uyghur, Myanmar dan sebagainya.

Jika tidak mampu membantu mereka dengan wang ringgit dan tenaga, sekurang-kurangnya melalui doa dan munajat kepada Allah SWT supaya memberikan pertolongan kepada mereka dan membebaskan mereka daripada penderitaan dan kezaliman manusia yang dihadapi itu.

Muslimin dan Muslimat sekalian!

Pada hari yang mulia dan penuh barakah ini, marilah kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad



SAW yang telah menyampaikan Islam kepada kita setelah melalui berbagai bentuk jihad dan pengorbanan. Tanda kasih kita kepada Baginda SAW dirakamkan melalui ucapan selawat dan salam sebagai mematuhi perintah Allah dalam al-Quran:

﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

“Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya sentiasa berselawat ke atas Nabi, maka wahai orang-orang beriman ucapkanlah selawat dan salam ke atasnya dengan sesungguhnya-sungguhnya.”

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
إِبْرَاهِيمَ. وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
إِبْرَاهِيمَ فِي آلِ عَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِمُؤْمِنِينَ وَالمُؤْمِنَاتِ وَالمُسْلِمِينَ وَالمُسْلِمَاتِ وَالمُؤْمِنَاتِ وَالمُسْلِمَاتِ وَالمُسْلِمَاتِ وَالمُسْلِمَاتِ  
وَالمُسْلِمَاتِ. رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَذُنُوبَ وَالدِّينَا وَارْحَمْهُمْ كَمَا رَبَّوْنَا صِغَارًا. رَبَّنَا  
اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالإِيمَانِ وَكَانَتْ جَعَلْنَا فِي قُلُوبِنَا غَلًّا لِلَّذِينَ ءَامَنُوا رَبَّنَا  
إِنَّكَ رَؤُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَالنِّفَاقَ وَالْمُنَافِقِينَ،  
وَالظُّلْمَ وَالظَّالِمِينَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَائِنَا وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ.  
اللَّهُمَّ رُدَّ كَيْدَهُمْ عَلَيَّ نُحُورِهِمْ. اللَّهُمَّ بَدِّ شَمْلَهُمْ وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ وَشَتِّتْ كَلِمَتَهُمْ  
وَزَلِّ زَلَّاقَ دَامَهُمْ، وَسَلِّطْ عَلَيَّهِمْ كُلَّ بَأْسٍ مِنْ كِلَابِكَ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينِ، وَفِي غَزَّةِ، وَفِي  
الْعِرَاقِ، وَفِي سُورِيَا، وَفِي كَشْمِيرِ، وَفِي كُلِّ مَكَانٍ. اللَّهُمَّ قَوِّ عَزَائِمَهُمْ، وَاجْمَعْ  
كَلِمَتَهُمْ، وَتَبِّتْ أَقْدَامَهُمْ، وَأَنْصُرْهُمْ عَلَى أَعْدَائِهِمْ.

اللَّهُمَّ آتِ أَنْفُسَنَا تَقْوَاهَا، وَزَكَّاهَا أَنْتَ خَيْرُ مَنْ زَكَّاهَا، أَنْتَ وَلِيُّهَا وَمَوْلَاهَا.  
اللَّهُمَّ أَرِنَا الْحَقَّ حَقًّا وَأَرْزُقْنَا اتِّبَاعَهُ، وَأَرِنَا الْبَاطِلَ بَاطِلًا وَأَرْزُقْنَا اجْتِنَابَهُ. اللَّهُمَّ  
أَصْلِحْ سُلْطَانَنَا، وَأَيِّمْتَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وَلِيَّتَنَا فِي مَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ  
الْعَالَمِينَ.

رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ. رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ  
هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ. رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ. وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.